

Pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mengenai 2013 sebagai Tahun Kesukarelawan Nasional ketika pembentangan Bajet 2013 pada 28 September tahun lalu menuntut perhatian istimewa warga kampus. Ia satu cabaran untuk direalisasikan dalam kerangka inovatif dan kreatif, sesuai dengan agenda transformasi negara.

Kerangka inovatif dan kreatif itu memerlukan warga kampus menukuni paradigma baharu dan pendekatan bukan tradisional terhadap aktiviti kesukarelawan yang direka bentuk berdasarkan iklim keseragaman kampus. Justeru, cabaran pertama yang perlu ditangani ialah untuk memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa dan seterusnya mencanai mereka sebagai aktivis yang mampu berperan sebagai jurubicara masyarakat.

Gagasannya cukup indah, harapannya begitu besar dan aspirasinya mengunung. Menjiwai semangat kesukarelawan bermakna mahasiswa perlu bersedia keluar dari zon selesa dan belajar untuk bersusah payah sedikit.

Dalam Amanat Tahun Baharu 2013 baru-baru ini, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, menggesa supaya semangat kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa dan warga kerja terus diperkembangkan.

Menekuni falsafah Strategi Lautan Biru untuk diterjemah pada skala perimenter kampus, sudah tiba masanya bagi tenaga mahasiswa dan warga kerja diintegrasikan secara strategik dan praktikal bagi menghasilkan inisiatif kemasyarakatan berimpak tinggi. Kepelbagaian disiplin akademik dan kemahiran yang dimiliki sesebuah institusi pengajian tinggi yang digabung jalin dengan pendekatan yang betul serta dilaksanakan oleh mahasiswa dan warga kerja yang benar-benar komited berupaya meninggalkan manfaat yang tidak sedikit.

Ungkapan kesukarelawan itu sendiri menunjukkan keikhlasan, kesediaan dan ketulusan, sekali gus menjadi pemangkin kepada pembentukan mahasiswa yang memiliki klasikan mental, ketahanan fizikal dan kekentalan jiwa.

Amalan jariah berpanjangan

Keikhlasan tersebut disahihkan pula dengan keinsafan yang mendalam bahawa sebagai mahasiswa, ada hutang budi yang perlu dilangsaikan kepada rakyat dan negara. Proses pemindahan ilmu yang berlaku antara sukarelawan mahasiswa dengan kumpulan sasaran pula perlu dilihat sebagai amal jariah yang berpanjangan lagi berkekalan kesannya. Perspektif rohaniah inilah yang perlu diterap dalam setiap inisiatif kesukarelawan mahasiswa sebagai pelengkap kepada reka bentuk fizikalnya.

Justeru, mahasiswa akan menyedari bahawa impak daripada gerak kerja yang diikuti itu tidak terlihat pada corak fizikal, curahan tenaga atau perbelanjaan dana semata-mata, tetapi lebih daripada itu. Keber-



Najib melancarkan logo Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) di Dewan Agung Tuanku Canselor, UTM Shah Alam. (FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BH)



Siswa membawa kain rentang 1M4U.

Pupuk semangat sukarelawan mahasiswa

Pembabitan dalam aktiviti kemasyarakatan lahir generasi lasak mental, fizikal dan jiwa



Aktiviti menanam pokok di Jalan Abu Bakar Mersing, Johor yang disertai sukarelawan siswa.

khidmat terbaik dan berimpak tinggi daripada gerak kerja yang dijalankan.

Persefahaman mudah atas asas kepercayaan itu menerbitkan manfaat yang tidak sedikit dan saling berkait, di satu sudut, pihak universiti menikmati reputasi yang baik hasil aktiviti mahasiswanya, di pen-

juru lain pula pihak mahasiswa belajar untuk merencana serta mengelola, dan akhirnya masyarakat menerima faedah daripada pemindehan ilmu yang berlaku.

Pengisian aktiviti

Aspek yang perlu diutamakan dalam pelaksanaan setiap gerak kerja kesukarelawan pula ialah keberkesanan penyampaian manfaat kepada kumpulan sasaran melalui pendekatan dan saluran yang dikenal pasti. Justeru, perhatian hendaklah diberikan kepada pengisian aktiviti, bukannya soal bentuk semata-mata. Kadangkala, tenaga dan wang lebih banyak dihabiskan kepada aspek upacara seperti majlis perasmian dan sebagainya yang akhirnya menyebabkan semangat sebenar gerak kerja kesukarelawan tersebut tersasar daripada matlamat asal.

Dalam hubungan ini, semangat 'banyak dalam sedikit' yang dimaksudkan oleh ungkapan bahasa Latin, 'multum in parvo' wajar ditekuni oleh warga kampus. Banyak cerita kejayaan yang boleh diteladani dan ditanda aras daripada projek kesukarelawan di dalam atau luar Malaysia yang bermula dengan dana yang sedikit jumlahnya tetapi berimpak besar kepada kumpulan sasaran.

Kemampuan untuk mereka bentuk gerak kerja kesukarelawan yang bersifat praktikal dan berkesan membolehkan inisiatif tersebut dilestarikan pula penganjurannya. Realistik dengan perimeter dana, tenaga dan masa, maka kerangka aktiviti pula perlu memfokus kepada aspek tertentu, umpamanya motivasi kecemerlangan akademik untuk pelajar sekolah atau penjana pendapatan tambahan untuk masyarakat desa daripada produk kitar semula, sekadar menyebut beberapa contoh.

Semangat aktiviti kesukarelawan yang dijiwai dengan penuh

FAKTA NOMBOR

RM100 juta

Dana Sukarelawan 1Malaysia

Siswa mengecat tembok pagar masjid pada program gotong royong 1M4U.



katan hidup, kelapangan masa, kecemerlangan pengajian dan ketenangan jiwa adalah insentif rohaniah yang dinatijahkan daripada keikhlasan mereka bergerak kerja dalam aktiviti sukarela. Pencerahan yang diperoleh hasil kesedaran ini memungkinkan pula mereka untuk terus komited dalam aktiviti kesukarelawan sesudah tamat pengajian kelak.

Walaupun secara umumnya gerak kerja kesukarelawan sudah di-institusikan di kebanyakan kampus, namun fleksibiliti secukupnya perlu diperuntukkan kepada badan mahasiswa di universiti untuk mereka bentuk gerak kerja kesukarelawan dengan inovasi dan kreativiti mereka sendiri. Inovasi dan kreativiti yang dipandu kewarasan dan kebijaksanaan itu perlu pula dimudahhara dengan birokrasi efisien pihak pentadbiran universiti.

Dalam konteks ini, kepercayaan adalah asasnya. Pihak pentadbiran universiti memberikan ruang dan kebebasan kepada badan mahasiswa untuk turun padang menyantuni masyarakat. Pada masa sama, badan mahasiswa itu sendiri haruslah jujur menghargai kepercayaan yang diberikan itu dengan mencurahkan

keinsafan serta paradigma pelaksanaannya yang ditekuni secara terarah mampu mengangkat warga kampus sebagai jurubicara masyarakat dalam erti kata yang sebenarnya.

Walaupun gerak kerja kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa Malaysia masih belum terinstitusi secara kurikulum sebagai mana Kuliah Kerja Nyata Pembelajaran Pemberdayaan Masyarakat (KKNPMP) yang diamalkan oleh universiti di Indonesia, warga kampus perlu bijaksana mengambil peluang daripada insentif dan sokongan yang di-hurukan kerajaan melalui pengu- muman Tahun Kesukarelawan Nasional.

Patriotisme siswa

Seperti kata bekas Presiden Amerika Syarikat, John F Kennedy: "Janganlah ditanya apa yang dilakukan oleh negara untuk anda, sebaliknya tanyalah apa yang anda lakukan untuk negara." Pembabitan gerak kerja kesukarelawan adalah sebahagian penterjemahan semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa. Apa yang penting ialah mengekalkan minat mereka terhadap aspirasi nasional dan cita-cita masyarakat sebagai warga negara yang bertanggungjawab.

Kini, dengan pengwujudan 50 Outreach Centre (Pusat Capaian) 1Malaysia For Youth (1M4U) di institusi pengajian tinggi dan peruntukan geran RM100 juta kepada Dana Sukarelawan 1Malaysia, tiada sebab lagi untuk mahasiswa memencilkan diri mereka daripada aspirasi nasional dan cita-cita masyarakat tersebut. Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Di mana ada ke-mahuan, di situ ada jalan.



Penulis

ialah Pensyarah Undang-undang di Fakulti Teknologi, Universiti Malaysia Pahang (UMP)



WAN NAZRUL HELMY
WAN MOHD ZAIN

nazrulhelmy@ump.edu.my

→
GHAZALI
DIN